



JABATAN HAL EHWAL

VETERAN

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN



Penaung : Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki

Penasihat : Encik Sophian Isswandy bin Ismail

Ketua Editor : Encik Mohamad Subhi bin Abang

Editor / Penyunting : Unit Komunikasi Korporat

Foto : Unit Komunikasi Korporat


Hak Cipta Terpelihara ©

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain- lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM,
Aras G, Menara TH Perdana,
1001 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur
Tel : 03-2050 8000 | 03-2697 6600
Faks : 03-2691 7564
Emel : aduan@jhev.gov.my

SENARAI KANDUNGAN





PERUTUSAN

KETUA PENGARAH JABATAN HAL EHWAL VETERAN



Meja Jen Dato' Haji Semaon
bin Haji Marjuki

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dengan izinNya penerbitan buku Laporan Tahunan JHEV ATM 2024 dapat direalisasikan untuk tatapan dan rujukan warga JHEV ATM dan Veteran ATM. Segala puji-pujian hanyalah untuk Allah Subhanahu Wata'ala dan Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam. Jutaan terima kasih saya zahirkan kepada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia atas pelantikan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM yang ke-9 dan memberikan kepercayaan untuk saya memimpin Jabatan ini. Dalam memastikan pemerkasaan Veteran ATM sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya, keberadaan saya disini merupakan satu amanah dalam meneruskan tanggungjawab sedia ada demi memastikan hal ehwal Veteran ATM sentiasa menjadi keutamaan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mantan-mantan Ketua Pengarah JHEV yang telah banyak mencurahkan bakti dan keringat dalam mengemudi JHEV sebelum ini. Dalam konteks yang sama, saya juga komited untuk menggembleng segala usaha, kudrat dan buah fikiran demi meneruskan kecemerlangan yang telah dilakarkan oleh Ketua Pengarah yang terdahulu, Insya Allah.

Justeru, saya menyeru agar semua warga JHEV, berganding bahu dan berdiri teguh bersama-sama saya untuk memperkasakan organisasi ini. Warga JHEV perlu berusaha secara berterusan di dalam memastikan perkhidmatan dapat dicapai dengan lebih efektif dan efisien disamping menekankan beberapa aspek yang perlu diperbaiki supaya dapat membentuk budaya kerja yang lebih cemerlang

Visi dan Misi JHEV merupakan satu perancangan strategik yang menetapkan hala tuju Jabatan untuk mencapai kejayaan dan memacu kelangsungan pemerkasaan Veteran ATM dari masa ke semasa.

Seterusnya saya juga menggariskan 5 Teras Utama bagi mendukung sasaran tersebut iaitu : Pengukuhan Dasar, Peningkatan Kualiti Perkhidmatan yang Efektif, Pemerkasaan Sosioekonomi, Pendekatan Media dan Pembangunan Teknologi supaya segala usaha yang dilaksanakan terarah untuk merealisasikan Visi dan Misi yang telah digariskan. Berasaskan 5 teras utama, saya yakin JHEV akan mampu mengorak langkah menjadi sebuah organisasi yang mantap dan cemerlang dengan kerjasama erat dari semua peringkat kakitangan.

Akhir kata, marilah kita sama-sama menggembleng tenaga, usaha dan buah fikiran di dalam memastikan JHEV berada di landasan yang sewajarnya di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan bukan sahaja kepada Veteran ATM, malah mampu memberi sumbangan dan impak positif kepada agama, bangsa dan negara. Sekian, terima kasih.



Maklumat Korporat



Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM atau JHEV ATM telah ditubuhkan pada 11 Oktober 2000 merupakan satu Jabatan di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan Malaysia. JHEV ATM telah memulakan operasi secara rasminya pada 1 Januari, 2001 di Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Objektif utama jabatan ini adalah untuk membantu para Veteran Angkatan Tentera Malaysia dalam meningkatkan taraf sosioekonomi setelah menamatkan perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Fungsi penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini adalah seperti berikut :



VISI

Peneraju utama kesejahteraan Veteran ATM.



MISI

Memberi khidmat pengurusan yang cekap, dinamik dan profesional kepada Veteran ATM.



OBJEKTIF

Objektif Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini adalah seperti berikut :

Mewujudkan komuniti Veteran ATM yang sejahtera.

Memberi khidmat One Stop Centre yang cekap dan profesional kepada Veteran ATM.

Merancang melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan, Sosioekonomi Veteran ATM dan Pendidikan anak-anak.

Menggubal dasar hal-hal berkaitan Veteran ATM.

Melaksana program promosi yang efektif bagi meningkatkan lagi imej jabatan.

MOTO

RESPONSIF

Responsif atau bertindak segera dalam apa jua perkara yang melibatkan hal ehwal Veteran ATM.

PRIHATIN

Sentiasa peka, cakna dan sentiasa mendengar dan mengambil tahu isu-isu serta apa jua permasalahan Veteran ATM sepanjang masa.

KOMITED

Sentiasa menyantuni dan segera bertindak dalam apa jua perkara yang melibatkan Veteran ATM yang perlu ditangani oleh Jabatan dengan sepenuhnya.



Piagam Pelanggan



Menyemak dan memproses pembayaran seperti berikut dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap:

- Pencen Perkhidmatan
- Ganjaran Perkhidmatan
- Faedah Ganti Cuti Rehat (FGCR)
- Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM)
- Faedah Hilang Upaya
- Faedah Kematian Kepada Orang Tanggungan Anggota Tentera yang meninggal dunia dalam perkhidmatan

Permohonan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV ATM akan diproses dalam tempoh 3 - 6 bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.

Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV ATM :

- Bantuan Sara Hidup
- Bantuan Persekolahan
- Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- Bantuan Peralatan Pesakit
- Bantuan Bencana Alam



AKTA VETERAN 2012 (AKTA 740)

LAPORAN TAHUNAN JHEV 2024



“Veteran” ertinya warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepenuh masa dan tidak pernah dibersarakan atau diberhentikan daripada perkhidmatan atas alasan salah laku dalam mana-mana Angkatan yang seperti berikut:

01

Angkatan tetap
Angkatan Tentera
Malaysia (ATM)

02

Angkatan sukarela yang dikerah
sepenuh masa oleh Angkatan
Tentera Malaysia tanpa mengira
tempoh perkhidmatan

03

Force 136
(satu cawangan
pertubuhan Eksekutif
Operasi Khas, Britain
semasa Perang
Dunia II)

04

Tentera British yang
telah berkhidmat di
Malaya, Malaysia
atau Singapura

05

Sarawak
Rangers



DEFINISI VETERAN



Bahagian KEBAJIKAN



BAHAGIAN KEBAJIKAN

Bahagian Kebajikan JHEV ATM bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan dan pembayaran Bantuan Kebajikan kepada Veteran ATM dan orang tanggungan mereka yang layak. Selain itu, ia juga memainkan peranan penting dalam memberikan khidmat nasihat, perundangan, penerangan, serta mengadakan lawatan dan menjawab pengaduan awam/Veteran ATM mengenai masalah mereka di samping menjalankan kajian semula ke atas penerima bantuan yang sedia ada.

Justeru, pengurusan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan kepada Veteran ATM dan orang tanggungan yang layak telah dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) bermula pada Januari 2002 apabila JHEV mengambil alih fungsi pengurusan bantuan ini daripada Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan tentera (PERHEBAT).

Skim bantuan ini memainkan peranan penting untuk membantu dan menambahbaik taraf kehidupan Veteran ATM dan orang tanggungan selepas mereka menamatkan perkhidmatan.

Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV ATM terbahagi kepada 5 kategori iaitu :

- Bantuan Sara Hidup (BSH);
- Bantuan Persekolahan;
- Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT);
- Bantuan Peralatan Pesakit; dan
- Bantuan Bencana Alam.

Antara syarat asas bagi permohonan Skim Bantuan Kebajikan ini adalah pemohon mestilah seorang Veteran ATM (berpencen atau tidak berpencen); atau balu /duda kepada Veteran ATM; atau anak-anak yatim Veteran ATM yang berumur di bawah 18 tahun atau di bawah 23 tahun jika masih belajar (termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang), dan tiada had umur bagi anak yatim yang disahkan daif dari segi fizikal dan mental serta tidak berupaya menanggung diri sendiri (OKU); atau waris/ penjaga kepada anak yatim yang masih kecil atau anak OKU.

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Veteran Integrated Benefit System (VIBES) 2.0; atau menggunakan borang permohonan beserta dokumen lengkap melalui JHEV Cawangan Negeri. Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan syarat yang ditetapkan sebelum disyorkan untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP) yang bersidang 2 kali sebulan untuk kelulusan.

Jumlah penerima bantuan mengikut tahun bagi Bantuan Sara Hidup (BSH)

2021 **8,234**

2022 **8,348**

2023 **26,551**

2024 **31,788**

1. Bantuan Sara Hidup (BSH)

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada Veteran ATM dan orang tanggungan yang layak bertujuan untuk meringankan beban sara hidup harian.

Pada dasarnya, JHEV sedang melaksanakan tiga (3) kategori Bantuan Sara Hidup (BSH). BSH 1 merupakan proses permohonan biasa yang memerlukan lawatan siasatan dan syor di peringkat JHEV Negeri, merangkumi permohonan baharu atau penyambungan semula yang akan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP) untuk kelulusan. Manakala BSH 2 dan BSH 3 diluluskan secara automatik kepada veteran yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan data/maklumat yang diperolehi daripada sistem Veteran Integrated Benefit System (VIBES) 2.0 tanpa melalui proses permohonan dan lawatan siasatan serta disalurkan terus ke akaun bank penerima. Secara ringkasnya, Veteran ATM hanya perlu memastikan maklumat di dalam sistem VIBES 2.0 adalah lengkap bagi tujuan saringan melalui sistem tersebut.

BSH2 dan BSH3 telah diperkenalkan pada tahun 2023 sebagai bukti keprihatinan Jabatan dan Kerajaan dalam usaha membantu golongan Veteran ATM. BSH2 merupakan hasil Keputusan Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Pertahanan Bil.2/2023 bertarikh 18 Januari 2023 dan Bil.3/2023 bertarikh 2 Februari 2023 yang dikenali sebagai Perluasan Bantuan Sara

Hidup Tahun 2023 untuk meningkatkan bilangan penerima bantuan dari 9,000 orang 15,000 orang. Keutamaan diberi kepada Veteran ATM (berpencen/ tidak berpencen) dan balu berumur 80 tahun ke atas untuk diberikan bantuan secara automatik tanpa permohonan. Bantuan ini juga dipanjangkan kepada penerima pencen Fedah Hilang Upaya (FHU), Veteran yang tersenarai dalam semakan sistem eKasih serta penyambungan semula BSH kepada penerima semasa yang telah tamat tempoh bantuan.

Manakala, BSH3 pula merupakan hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) Bil.2 Tahun 2023 bertarikh 7 Ogos 2023 untuk memanjangkan Bantuan Sara Hidup Kepada Veteran Tidak Berpencen Berumur 60 Tahun Ke Atas secara automatik tanpa permohonan.

Ketiga-tiga kategori BSH1, 2 dan 3 ini hendaklah mematuhi syarat pendapatan di bawah PGK yang ditetapkan sebagai Pra-syarat kelayakan; namun begitu pertimbangan juga diberikan kepada semua permohonan tertakluk kepada syor Negeri dan kelulusan Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP) atas faktor-faktor lain seperti faktor kesihatan atau penyakit, bilangan anak yang bersekolah atau melanjutkan pengajian di IPT serta komitmen lain yang munasabah untuk dipertimbangkan dalam pemberian BSH. Permohonan yang lulus akan berkuat kuasa selama tiga (3) tahun dari bulan pertama pembayaran dibuat. Permohonan akan dinilai semula selepas tempoh tiga (3) tahun tersebut untuk memastikan sama ada veteran atau penerima BSH itu masih layak atau sebaliknya. Veteran boleh mengemukakan permohonan untuk melanjutkan bayaran BSH sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh tiga (3) tahun tersebut.



Terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dilaksanakan dalam pengurusan BSH sepanjang tahun 2024 seperti berikut:

a. JHEV ATM telah menguatkuasakan penggunaan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2022 pada kadar RM1,198.00 (Isi Rumah) atau RM322.00 (Perkapita) berkuatkuasa 1 Mac 2024 bagi menggantikan PGK Makanan 2019 (RM1,169.00) sebagai prasyarat bagi permohonan bantuan kebajikan yang berkaitan iaitu Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Persekolahan (BSK);

b. Pemanjangan BSH kepada Veteran ATM Tidak Berpencen berumur 60 tahun ke atas yang dilantik semula ke perkhidmatan awam atau sedang menerima pencen KWAP adalah layak mendapat BSH secara automatik berdasarkan syarat-syarat BSH sedia ada dan mematuhi syarat pendapatan di bawah PGK 2022 berkuatkuasa 1 Mac 2024; dan

c. Kadar BSH 3 telah dinaikkan dari RM300.00 ke RM500.00 sebulan kepada Veteran ATM Tidak Berpencen yang berkelayakan melalui pengumuman oleh YAB Perdana Menteri dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19 pada 16 Ogos 2024 di mana bayaran pertama telah dilaksanakan mulai Disember 2024.

Justeru, daripada peruntukan sejumlah RM120,583,700.00 bagi tahun 2024, JHEV ATM telah membelanjakan sebanyak RM120,583,700.00 (100%) yang memberi manfaat kepada 31,788 orang veteran ATM dan tanggungan di bawah skim BSH.

Jumlah penerima bantuan mengikut tahun bagi Bantuan Persekolahan (BSK)

2021	965
2022	960
2023	1,117
2024	1,241

2. Bantuan Persekolahan (BSK)

Bantuan Persekolahan (BSK) disediakan bertujuan untuk membantu membiayai perbelanjaan memulakan persekolahan di peringkat rendah atau menengah atau vokasional. BSK ini dibayar secara tahunan dengan kadar RM500 setahun bagi sekolah rendah dan RM700 setahun bagi sekolah menengah atau vokasional.

Setiap permohonan yang diluluskan akan berkuat kuasa selama mana anak tersebut masih menuntut di sekolah rendah atau sekolah menengah atau vokasional. Bantuan akan terhenti jika anak veteran tersebut tamat persekolahan, contohnya tamat darjah 6, tingkatan 5 atau 6 atau mencapai umur 19 tahun bagi yang menuntut di kolej vokasional. Jika anak tersebut telah meninggal dunia, maka veteran atau waris yang berkenaan hendaklah memaklumkan perkara ini kepada JHEV untuk membolehkan tindakan selanjutnya dapat diambil.

Bagi anak yang sedang menerima BSK di peringkat sekolah rendah dan akan menamatkan pelajaran di peringkat rendah tersebut, permohonan baharu hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan BSK di peringkat menengah. Semua permohonan BSK perlu dikemukakan pada tahun semasa sahaja selewat-lewatnya sebelum 30 September setiap tahun untuk memastikan pembayaran dapat dibuat pada tahun semasa tertakluk kepada peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Bantuan Persekolahan pada tahun 2024 adalah sebanyak RM833,800.00 (100%) melibatkan seramai 1,241 orang penerima. Bilangan penerima BSK telah meningkat sebanyak 11% berbanding tahun 2023.

Jumlah penerima bantuan mengikut tahun bagi Bantuan Kemasukan Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

2021	4,238
2022	3,663
2023	4,728
2024	5,819

3. Bantuan Kemasukan Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan veteran ketika pendaftaran kemasukan anak ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Bantuan ini juga diberi sebagai galakan dan motivasi untuk anak-anak veteran meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ini merangkumi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta kursus-kursus yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Agency (MQA) sahaja seperti yang disenaraikan di pautan <https://www2.mqa.gov.my/mqr/> di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Bantuan ini dibayar secara sekaligus dengan kadar bayaran sebanyak RM1,000 bagi pengajian peringkat diploma dan RM1,500 untuk pengajian peringkat ijazah pertama. Pengajian yang diikuti hendaklah sepenuh masa di peringkat diploma dan ijazah pertama dan yang ditawarkan di dalam negara sahaja. Kursus yang berbentuk latihan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan seperti latihan ketenteraan, kursus perguruan, separa

perubatan dan kursus berbentuk professional adalah tidak layak dipertimbangkan di bawah skim bantuan ini.

Bantuan ini telah diperluaskan ke peringkat Pengajian Asasi dan Matrikulasi mulai 1 Januari 2024 dengan kadar RM1,000.00 (sekaligus).

Semua permohonan Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi perlu dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kemasukan/pendaftaran ke IPTA/IPTS. Ini adalah untuk mengelakkan kelewatan pembayaran tertakluk kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Umur bagi anak Veteran ATM hendaklah tidak melebihi 23 tahun ketika pendaftaran / kemasukan ke IPT.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Bantuan Kemasukan ke IPT pada tahun 2024 adalah sebanyak RM7,440,500.00 kepada 5,819 orang penerima. Bilangan penerima Bantuan Kemasukan ke IPT telah meningkat sebanyak 23% berbanding tahun 2023.

Jumlah penerima bantuan mengikut tahun bagi Bantuan Peralatan Pesakit (BPP)

2021	600
2022	472
2023	507
2024	481

4. Bantuan Peralatan Pesakit (BPP)

Bantuan Peralatan Pesakit (BPP) adalah bertujuan membantu Veteran ATM dan orang tanggungan yang memerlukan untuk membeli peralatan bantuan perubatan seperti kerusi roda, tongkat, katil, tilam dan sebagainya. Kadar bantuan adalah sebanyak RM5,000 (maksimum) bagi setiap permohonan.

Walau bagaimanapun, kadar bantuan peralatan pesakit ini adalah bergantung kepada lingkungan harga setiap jenis peralatan yang pernah



diluluskan berdasarkan daftar harga bagi setiap peralatan yang pernah diluluskan sebagai rujukan semasa menimbang permohonan yang diterima. Bagi mana-mana peralatan yang belum pernah diluluskan, ulasan dan maklumkan balas daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan diperolehi terlebih dahulu untuk membolehkan peralatan ini dipertimbang dan diluluskan.

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan pengesahan tentang penyakit yang dialami dan keperluan peralatan tersebut daripada pegawai atau pakar perubatan hospital kerajaan. Perolehan secara Pesanan Kerajaan mestilah disertakan dengan tiga (3) sebut harga daripada pembekal manakala bagi bayaran balik disertakan dengan resit pembelian.

Tuntutan bayaran balik bagi peralatan pesakit hendaklah dikemukakan dalam tahun di mana perolehan atau pembelian tersebut dibuat bagi membolehkan bayaran balik dibuat dalam tahun semasa dan mengelakkan bayaran lewat kepada pembekal atau veteran. Tuntutan bayaran balik bagi peralatan pesakit akan dibayar pada harga semasa pembelian atau kadar bantuan mengikut harga setiap jenis peralatan yang pernah diluluskan seperti yang dijelaskan di perenggan dua di atas (latar belakang).

Veteran boleh mengemukakan permohonan semula bagi peralatan pesakit yang telah mengalami kerosakan dengan pengesahan kerosakan peralatan tersebut diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan. Perkara akan diangkat untuk pertimbangan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP).

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi bayaran Bantuan Peralatan Pesakit bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM583,764.56. Manakala, bilangan penerima yang terlibat adalah seramai 481 orang. Bilangan penerima Bantuan Peralatan Pesakit menurun sebanyak 5.1% berbanding tahun 2023.

Jumlah penerima bantuan mengikut tahun bagi Bantuan Bencana Alam (BBA)

2021	138
2022	156
2023	139
2024	135

5. Bantuan Bencana Alam (BBA)

Bantuan Bencana Alam bertujuan untuk meringankan beban kewangan Veteran ATM yang mengalami kerosakan struktur rumah akibat daripada bencana alam seperti ribut, kebakaran, taufan, gempa bumi, banjir, tanah runtuh, tsunami dan lain-lain. Kadar Bantuan Bencana Alam yang boleh diluluskan adalah tidak melebihi RM10,000 (maksimum) berdasarkan laporan siasatan daripada pihak berkuasa yang berkaitan seperti polis, bomba dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada tahun 2024, semakan semula Pengurusan Bantuan Bencana Alam telah dilaksanakan dengan penetapan baharu kadar minimum RM1,000.00 dan maksimum RM10,000.00, dengan kelulusan Mesyuarat JKKP.

Pemohon juga hendaklah bermastautin di rumah tersebut, dan perakuan pemastautin perlu disahkan oleh Ketua Kampung atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Justeru, pengesahan berlakunya bencana alam hendaklah disokong dengan laporan pihak berkuasa yang berkaitan seperti polis, bomba atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) beserta gambar kejadian atau kerosakan (sekiranya ada).

Bagi kerosakan yang telah dibaiki, pemohon hendaklah mengemukakan gambar ketika pembaikan dibuat dan resit asal pembayaran yang telah diselesaikan.

Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kejadian.


Kerosakan yang diambil kira dalam pemberian Bantuan Bencana Alam hanyalah kerosakan terhadap struktur utama bangunan rumah sahaja termasuk pintu, tingkap dan siling tidak termasuk kerosakan harta benda seperti kenderaan, perkakas rumah, barangan elektrik, perabot dan dokumen peribadi.

Selain itu, pergerakan tanah atau cerun yang mengakibatkan kerosakan rumah juga boleh dipertimbangkan sebagai salah satu perkara di bawah Bantuan Bencana Alam. Laporan kerosakan rumah tersebut hendaklah diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Jabatan Kerja Raya (JKR) atau mana-mana

pihak yang berkompeten untuk membolehkan permohonan dipertimbangkan oleh JKKP. Laporan tersebut antara lain hendaklah mengandungi pengesahan bahawa pergerakan tanah telah berlaku, kaedah pembaikan yang disyorkan atau sama ada rumah tersebut selamat untuk diduduki atau sebaliknya.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Bantuan Bencana Alam pada tahun 2024 adalah sebanyak RM557,513.00 yang melibatkan seramai 135 orang penerima. Bilangan penerima Bantuan Bencana Alam menurun sedikit pada kadar 2.8% berbanding tahun 2023.

PECAHAN PERBELANJAAN SKIM BANTUAN KEBAJIKAN TAHUN 2024



6. Kemudahan Perubatan

Bahagian Kebajikan melalui Unit Ubat juga berperanan untuk memproses kemudahan perubatan kepada Veteran ATM. Berikut adalah syarat-syarat asas bagi veteran menerima kemudahan ini:

a. Faedah Perubatan

(1) Veteran ATM (bagi veteran lelaki, iaitu isteri dan anak-anaknya; manakala bagi veteran perempuan, iaitu suami dan anak-anaknya). Di mana ada disebutkan mengenai rawatan percuma yang boleh diberi kepada keluarga seseorang veteran, maka anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh veteran yang berumur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun. Walau bagaimanapun

bagi anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah 'anak' akan termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diambil mengikut undang-undang. Untuk tujuan pemberian rawatan percuma ini, balu seseorang veteran juga akan dianggap sebagai keluarga veteran selagi ia tidak berkahwin semula.

(2) Ibu Bapa Yang Sah (ibu kandung atau bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu angkat atau bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang). Walau bagaimanapun, sekiranya kemudahan perubatan yang diperlukan oleh veteran ATM atau ahli keluarga mereka yang berkelayakan tidak dapat diperolehi di hospital/klinik Kerajaan,



kemudahan perubatan tersebut boleh diperolehi di hospital/klinik/agensi swasta atas tanggungan Kerajaan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan; dan

(3) Kemudahan perubatan yang tidak dibenarkan kepada ibu bapa yang sah adalah seperti berikut:

- (a) rawatan perubatan di luar negeri;
- (b) rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit;
- (c) pembekalan semua jenis/ kategori alat; dan
- (d) rawatan membuat crowning, gigi palsu dan rawatan ortodontik bagi tujuan corrective measure yang merupakan rawatan kosmetik.

b. Faedah Perubatan Bagi Rawatan Kecemasan

(1) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan umum bagi permohonan perbelanjaan untuk rawatan kecemasan adalah ditetapkan seperti berikut:

- a) Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan di hospital/klinik swasta yang berhampiran dengan tempat kejadian kecemasan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa rawatan yang diperolehi adalah merupakan rawatan yang diperlukan secara serta-merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (life-threatening) dan status kecemasan berkenaan

hendaklah disahkan oleh pakar perubatan hospital/klinik swasta yang merawat pesakit;

- b) Sekiranya jarak di antara tempat kejadian kecemasan dengan hospital/klinik swasta dan hospital/klinik Kerajaan adalah sama, pesakit hendaklah mendapatkan rawatan di hospital/ klinik Kerajaan;

- c) Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan hendaklah disertakan dengan laporan klinikal terperinci daripada pakar perubatan hospital/klinik swasta yang merawat pesakit.

- d) Permohonan dikemukakan menggunakan Borang Perubatan 2/09.

c. Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri

- (1) Menetapkan kadar dan syarat bagi seseorang veteran menuntut elaun, kemudahan dan bayaran tuntutan elaun perjalanan dalam negeri adalah seperti berikut:

- a) elaun makan
- b) elaun harian
- c) bayaran sewa hotel
- d) elaun perjalanan kenderaan
- e) tambang pengangkutan awam
- f) belanja pelbagai; dan
- g) elaun loging

Jadual 1: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Perubatan Veteran ATM Berpencen dan Tidak Berpencen Berakhir 28 Februari 2025

Bil	Perkara	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan	Veteran Berpencen	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Veteran Tidak Berpencen	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1.	Hemodialisis	4,796	12,930,905.51	3,666	9,088,257.89	1,130	3,842,647.62
2.	Alat Ortopedik & Implan	34	90,483.74	14	75,913.10	20	14,570.64
3.	Alat Bantuan Pendengaran	17	108,400.00	12	75,000.00	15	33,400.00
4.	Kanta Mata	123	105,377.90	51	41,355.00	72	64,022.90
5.	Oksigen Concentrator	3	14,350.00	-	-	3	14,350.00
6.	Institut Jantung Negara (IJN)	119	303,216.40	-	-	119	303,216.40
7.	Tuntutan Perjalanan Rawatan	427	193,865.25	325	152,167.96	102	41,696.84
8.	Pembelian Ubat	352	7,026,771.65	194	6,318,179.96	158	708,591.69
9.	Rawatan Perubatan	48	96,191.20	12	33,311.50	36	62,879.70
10.	Alat Rawatan Jantung	6	76,017.00	-	-	6	76,017.00
JUMLAH	5,935	20,945,578.20	4,274	15,784,185.41	1,661	5,161,392.79	



Bahagian KHIDMAT PENGURUSAN





BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PENGENALAN

Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (BKP, JHEV ATM) bertanggungjawab merancang, mengurus dan menyelaras hal-hal berkaitan pengiktirafan kepada Veteran ATM, pengurusan sumber manusia, pengurusan aset dan stor serta pengurusan pentadbiran Jabatan. Terdapat empat (4) unit di bawah BKP iaitu Unit Memorial dan Pingat, Unit Sumber Manusia, Unit Aset dan Stor dan Unit Pentadbiran.

FUNGSI-FUNGSI UTAMA BKP

1. Merancang dan menguruskan perkhidmatan pegawai dan kakitangan.
2. Merancang dan menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan.
3. Pengurusan pengiktirafan Veteran ATM.
4. Program-program dalam Jabatan.
5. Pengurusan aset dan stor utama Jabatan.

FUNGSI-FUNGSI UNIT MEMORIAL DAN PINGAT

1. Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia kepada Veteran ATM.

2. Menyelaras Perbarisan Hari Kebangsaan yang melibatkan pegawai Jabatan.
3. Menyelaras majlis-majlis rasmi Jabatan.
4. Pembayaran elaun kepada penerima Pingat Keberanian.
5. Menguruskan Majlis Memperingati Veteran ATM.

FUNGSI-FUNGSI UNIT SUMBER MANUSIA

Mengurus dan menyelaras urusan perkhidmatan seperti berikut:

1. Pengisian perjawatan.
2. Urusan perkhidmatan pegawai dan kakitangan.
3. Pelaksanaan Program Latihan/Kursus.
4. Pelaksanaan HRMIS.
5. Pengurusan pencalonan Pingat/Anugerah/Darjah Kebesaran.
6. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

FUNGSI-FUNGSI UNIT ASET DAN STOR

Menyelaras pengurusan pentadbiran Jabatan seperti berikut:

1. Pengurusan aset dan stor.
2. Perolehan barangan dan kontrak perkhidmatan berkaitan aset dan stor.

FUNGSI-FUNGSI UNIT PENTADBIRAN

Menyelaras pengurusan pentadbiran Jabatan seperti berikut:

1. Pengurusan kenderaan.
2. Pengurusan surat-menyurat.
3. Pengurusan bil-bil berkaitan.
4. Sewaan dan penyelenggaraan bangunan.
5. Perolehan barangan dan kontrak perkhidmatan berkaitan pentadbiran Jabatan.

PENCAPAIAN PRESTASI TAHUNAN 2024



PERINCIAN MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA TAHUN 2024

SIRI	TARIKH	Peg. Pengurnia	Tempat	Penerima 2024	Jumlah Penerima
1.	23 Jan 24	PTD	Markas 30 Briged Inf, Kangar Perlis	701	41,521
2.	21 Feb 24	PAT	Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur	514	42,035
3.	12 Mei 24	MENHAN	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Johor Bahru, Johor	522	42,557
4.	12 Jun 24	TPTL	Auditorium M. Sidek Shabudin KD PELANDOK, Lumut Perak	1026	43,583
5.	4 Jul 24	TPTU	Wisma Perwira PU Sendayan, Negeri Sembilan	1090	44,673
6.	16 Ogos 24	PA BARAT	Kompleks PERHEBAT, Kem Sungai Buloh	521	45,194
7.	1 Nov 24	PAT	Hotel Renai, Kota Bharu, Kelantan	550	45,744



3. SENARAI TERKINI PENERIMA ELAUN KENANGAN



JUMLAH PENERIMA : 55

4. PENGISIAN PERJAWATAN KESELURUHAN JHEV ATM

Keseluruhan **241/269**

KATEGORI	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG
PENGURUSAN / PEGAWAI	22	20	2	30	30	0
SOKONGAN / LLP	189	163	26	28	28	0
JUMLAH	211	183	28	58	58	0

5. PENGISIAN PERJAWATAN JHEV ATM IBU PEJABAT

Keseluruhan **172/189**

KATEGORI	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG
PENGURUSAN / PEGAWAI	22	20	2	12	12	0
SOKONGAN / LLP	137	122	15	18	18	0
JUMLAH	159	142	17	30	30	0

6. PENGISIAN PERJAWATAN JHEV ATM CAWANGAN NEGERI

Keseluruhan **69/80**

KATEGORI	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG
PENGURUSAN / PEGAWAI	-	-	-	18	18	0
SOKONGAN / LLP	52	41	11	10	10	0
JUMLAH	67	55	12	29	29	-

AWAM TENTERA

7. PENCAPAIAN 7 HARI LATIHAN KAKITANGAN AWAM



Selesai Kursus 7 Hari

Kumpulan Pengurusan & Profesional

20

Kumpulan Sokongan

163

Jumlah Peratus Selesai

100%

8. AKTIVITI-AKTIVITI UNIT SUMBER MANUSIA

08.01.24

Mesyuarat Panel Latihan Awam JHEV ATM Bilangan 1 Tahun 2024
Bilik Mesyuarat Satria, Menara TH Perdana

18.01.24

Penyampaian Anugerah Ketua Pengarah sempena Majlis Amanat Ketua Pengarah JHEV ATM Tahun 2024
Mini Auditorium, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)

16.02.24

Taklimat Penyediaan Sasaran Kerja Utama (SKU)
Bilik Latihan JHEV ATM, Bangunan Medan Tuanku

14.05.24

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan JHEV ATM Bil. 1/2024
Bilik Mesyuarat Satria, Menara TH Perdana

28.06.24

Mesyuarat Panel Latihan Awam JHEV ATM Bilangan 2 Tahun 2024
Bilik Mesyuarat Satria, Menara TH Perdana

11-13.07.24

Program Perkasa Jati Diri Siri 1/2024
Agrotek Garden Resort, Hulu Langat, Selangor

26-28.08.24

Minggu Orientasi Personel MySTEP
Bilik Latihan JHEV ATM, Bangunan Medan Tuanku

28-30.10.24

Semakan Buku Rekod Perkhidmatan Kakitangan Awam
Bilik Mesyuarat Laksamana, Bangunan Medan Tuanku

18-22.11.24

Program Pembangunan Modal Insan
Bilik Latihan JHEV ATM, Bangunan Medan Tuanku

26.11.24

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan JHEV ATM Bil. 2/2024
Bilik Mesyuarat Satria, Menara TH Perdana

17.12.24

Mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia JHEV ATM Tahun 2024
Bilik Mesyuarat Pahlawan, Menara TH Perdana



9. PELAKSANAAN MESYUARAT PENGURUSAN JHEV ATM



1

25 Februari 2024 hingga 28 Februari 2024

Mesyuarat Pengurusan JHEV ATM Bil 1/2024
Swiss – Belinn, Cherengin Hills, Janda Baik

2

25 Ogos 2024 hingga 28 Ogos 2024

Mesyuarat Pengurusan JHEV ATM Bil 2/2024
Hotel Grand Renai, Kota Bharu

3

28 November 2024 hingga 1 Disember 2024

Mesyuarat Pengurusan JHEV ATM Bil 2/2023
Hotel Lexis, Port Dickson

10. PELAKSANAAN MESYUARAT JKPAK JHEV ATM

1 19 Februari 2024

Mesyuarat JKPAK Bil.
4 Tahun 2023
Bilik Mesyuarat Satria

2 16 Mei 2024

Mesyuarat JKPAK Bil.
1 Tahun 2024
Bilik Mesyuarat Satria

3 19 Ogos 2024

Mesyuarat JKPAK Bil.
2 Tahun 2024
Bilik Mesyuarat Satria

4 .

Mesyuarat JKPAK Bil.
3 Tahun 2024
Bilik Mesyuarat Satria



11. PELAKSANAAN MAJLIS RASMI JABATAN

1 18 Januari 2024

Majlis Amanat Ketua Pengarah 2024 Jabatan
Hal Ehwal Veteran ATM
Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)

2 25 Mac 2024

Program Ihya Ramadhan dan Majlis Berbuka
Puasa Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)

3 30 November 2024

Hari Keluarga Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan



Bahagian
KERJAYA &
SOSIOEKONOMI





BAHAGIAN KERJAYA DAN SOSIOEKONOMI

OBJEKTIF

Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi (BKS) berfungsi sebagai medium perantaraan antara JHEV ATM dengan Veteran ATM dalam menjayakan pelbagai inisiatif untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi Veteran ATM. BKS mengadakan sesi libat urus dan kerjasama strategik dengan agensi awam dan swasta bagi mendapatkan penawaran kerjaya kedua dan peluang keusahawanan untuk Veteran ATM. Bahagian ini juga berperanan menyelaras bantuan Inisiatif Perumahan Veteran ATM bagi memastikan Veteran ATM yang daif dan tidak berkemampuan dari aspek kewangan dapat mendiami kediaman yang selamat, selesa dengan persekitaran yang kondusif. BKS juga terlibat dalam penyelarasan sesi taklimat untuk latihan peralihan di PERHEBAT dan perkhidmatan ATM sebagai program promosi untuk membantu peralihan Veteran ATM dari perkhidmatan tentera yang aktif kepada kehidupan awam. Selain itu, BKS juga menyelaras pelaporan program cakna Veteran ATM yang dilaksanakan oleh JHEV Cawangan Negeri termasuklah program kaunter bergerak.

FUNGSI

1. Meneroka, mewujudkan dan menjalin kolaborasi strategik dengan agensi awam/ swasta bagi penawaran peluang kerjaya kedua Veteran ATM;

2. Menyelaras dan memantau penempatan pekerjaan Veteran ATM hasil kerjasama agensi awam/ swasta serta merangka program peningkatan kualiti Veteran ATM berdepan dengan pasaran kerjaya;
3. Meneroka, mewujudkan dan menjalin kolaborasi strategik dengan agensi awam/swasta untuk pembangunan dan peningkatan kapasiti Usahawan Veteran ATM;
4. Menyelaras dan memantau pelaksanaan pameran dan promosi kaunter bergerak JHEV ATM serta pelaporan program 'outreach Veteran ATM' di seluruh negara;
5. Menyelaras dan memantau pelaksanaan sesi taklimat peralihan dan penerangan fungsi, peranan dan tanggungjawab JHEV ATM kepada bakal Veteran ATM;
6. Merancang dan menyelaras pelaksanaan Inisiatif Perumahan Veteran ATM yang melibatkan program baik pulih rumah dan program bina baharu rumah untuk Veteran ATM dengan kerjasama JHEV Negeri dan SPNB.
7. Menyelaras permohonan Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) bagi kuota Veteran ATM.

INISIATIF KEUSAHAWANAN

1. KOLOBARASI STRATEGIK BERSAMA PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS) BAGI MENEROKA PELUANG PERNIAGAAN FRANCAIS UNTUK VETERAN ATM



Bermula 1 Mac 2024, JHEV ATM telah mengadakan libat urus dengan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) di Menara PERNAS, Kuala Lumpur bagi meneroka peluang perniagaan francais yang bersesuaian untuk Veteran ATM. Sesi ini telah memberi pendedahan kepada JHEV ATM tentang ekosistem francais dan sokongan yang disediakan PERNAS, termasuklah taklimat berkaitan program seperti:

- Program BIT (Business in Transformation atau transformasi perniagaan untuk usahawan kecil)
- Program BYOB (Be Your Own Business atau bimbingan francais untuk individu umum)
- Program SWEET (Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent atau latihan dan sokongan khas untuk wanita bumiputera), dan
- Program YOUNITY (Young Entrepreneurship Engagement Talents atau peluang francais untuk belia bumiputera). Kerjasama strategik ini membuka peluang luas kepada Veteran ATM yang berusia di bawah 40 tahun untuk menceburi bidang francais dengan sokongan latihan, bimbingan serta bantuan

modal, sekali gus membantu meningkatkan kestabilan kewangan selepas tamat perkhidmatan kententeraan.

2. PELAKSANAAN KARNIVAL ASPIRASI RAKYAT 3.0

Karnival Aspirasi Rakyat 3.0 (KAR 3.0) telah dianjurkan oleh JHEV ATM bersama Persatuan Veteran TUDM Pahang, Persatuan Veteran ATM Pahang dan Syarikat VTC Holistics Sdn. Bhd pada 3 dan 4 Ogos 2024 bertempat di Wisma Belia, Kuantan. Program ini berlangsung sepanjang hari dengan kehadiran lebih 3,000 pengunjung serta diserikan oleh tetamu kehormat seperti ADUN Inderapura iaitu YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan Bin Sharif, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi Negeri Pahang iaitu YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, dan Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan termasuk karnival kerjaya dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), pameran keusahawanan, pemeriksaan kesihatan percuma, program derma darah, pemberian cermin mata percuma, pameran institusi pendidikan, pameran senjata dan kenderaan keselamatan dari PDRM serta acara sukan santai dan persembahan pentas. Program ini berjaya membuka peluang kepada Veteran ATM serta masyarakat sekitar dalam aspek kerjaya, keusahawanan, kesihatan dan sosial serta membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti veteran ATM yang terlibat.

3. SESI LIBAT URUS BERSAMA KUSKOP BUKA PELUANG PERNIAGAAN FRANCAIS UNTUK VETERAN ATM

Pada 3 Oktober 2024, satu sesi libat urus antara Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dan Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah diadakan di Putrajaya bagi membincangkan peluang perniagaan francais untuk Veteran ATM. Sesi ini memberi fokus kepada usaha membantu veteran memulakan serta mengembangkan perniagaan francais dengan modal permulaan di bawah RM100,000, selain menilai potensi dan cabaran penglibatan veteran dalam bidang ini. Turut dibincangkan ialah cadangan penganjuran program atau karnival francais khusus untuk Veteran ATM bagi memberi pendedahan secara terus mengenai skim francais dan mendapatkan maklumat sokongan perniagaan yang tersedia. Di samping itu, KUSKOP turut mencadangkan program latihan usahawan untuk Veteran ATM dilengkapkan dengan aspek pengurusan



perniagaan, kewangan, dan pemasaran serta kerjasama bersama francais bagi menawarkan pakej francais yang lebih mesra dan bersesuaian dengan keupayaan Veteran ATM.

4. SESI LIBAT URUS BERSAMA BAHAGIAN KESEJAHTERAAN RAKYAT, KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW) BERKENAAN PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN

Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi (BKS) JHEV ATM telah mengadakan sesi libat urus bersama Bahagian Kesejahteraan Rakyat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi membincangkan peluang bantuan keusahawanan kepada Veteran ATM melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Program ini menawarkan bantuan maksimum RM10,000 dalam bentuk peralatan, mesin, bahan, aset serta latihan kepada usahawan desa, termasuk Veteran ATM, dengan pemantauan selama enam hingga dua belas bulan bagi memastikan kelangsungan perniagaan. Hasil sesi ini, BKS telah mendapat persetujuan untuk mengemukakan permohonan veteran secara terus kepada sekretariat PPP KKDW tanpa perlu melalui agensi KKDW di peringkat daerah, dan akan memulakan permohonan berdasarkan senarai usahawan Veteran ATM sedia ada.

KERJAYA/LATIHAN

1) KERJASAMA STRATEGIK ANTARA JHEV ATM DAN FITEC DALAM PELAKSANAAN LATIHAN USAHAWAN UNTUK VETERAN ATM

JHEV ATM melaksanakan libat urus dengan Furniture Industry Technology Centre (FITEC) atau Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA, sebuah syarikat milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menawarkan kursus percuma kepada Veteran ATM. Kursus tersebut merangkumi program jangka panjang seperti Program Usahawan Sistem Binaan Berindustri (IBS) Tiny House selama 32 hari dan Program Usahawan Pembinaan Berasaskan Industri Kabin selama 27 hari, serta kursus jangka pendek dalam bidang kejuruteraan pemasangan shopfront, pintu sliding, kabinet dapur, dinding sesekat dan siling serta lain-lain kursus berkaitan industri pembuatan perabot. Inisiatif ini membantu Veteran ATM memperoleh kemahiran baru dan peluang menceburi bidang keusahawanan.

2) PELAKSANAAN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA SYARIKAT DEVNET GLOBAL RESOURCES

Satu sesi libat urus bersama Syarikat Devnet Global Resources telah diadakan bagi membincangkan kerjasama strategik dalam menyediakan latihan pemasaran digital dan keusahawanan atas talian kepada Veteran ATM. Syarikat ini menawarkan program percuma bertajuk “Empowerment Through Digital Marketing: A Pathway to Business Sustainability for Veterans” yang memberi fokus kepada peserta dari kawasan Hulu Langat, Selangor. Program ini bertujuan memperkasa usahawan Veteran ATM dengan kemahiran digital bagi membantu mereka berdaya saing dalam dunia perniagaan semasa. Latihan yang dijalankan setiap hari Ahad selama 12 minggu ini turut menyediakan makan minum serta bantuan pendaftaran syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pelbagai latihan kemahiran yang diterapkan seperti pengenalan pemasaran digital, penyediaan kandungan menggunakan program ChatGPT, pemasaran menggunakan media sosial, video content marketing, copywriting, reka bentuk grafik menggunakan Canva, pengurusan kewangan, asas pengurusan perniagaan, cara mendapatkan pembiayaan, serta pembangunan laman web dan profil Google perniagaan. Inisiatif ini diharap dapat membuka peluang lebih luas kepada veteran ATM untuk meneroka bidang pemasaran digital secara lebih berstruktur dan berkesan.

3) PROGRAM PEMANTAUAN DAN PELAPORAN INISIATIF KERJAYA KEDUA SERTA KEUSAHAWANAN VETERAN ATM DI NEGERI PAHANG.

Pada 19 hingga 20 Ogos 2024, Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi (BKS) JHEV ATM dengan kerjasama JHEV Cawangan Negeri Pahang telah melaksanakan Program Pemantauan dan Pelaporan Inisiatif Kerjaya Kedua serta Keusahawanan Veteran ATM di sekitar Pahang. Program ini bertujuan menilai keberkesanan penempatan kerjaya kedua Veteran ATM, mendapatkan maklum balas majikan serta memperluaskan jaringan kerjasama dengan syarikat berpotensi. Sepanjang program, lawatan dilakukan ke lokasi lima veteran yang berkhidmat sebagai Pembantu Perubatan Ladang dan Penyelia Polis Ladang di sekitar Muadzam Shah dan Maran. Lawatan pemantauan ini juga meninjau kejayaan dua usahawan veteran dalam projek pertanian nangka madu (J33) di Lanchang, Pahang. Pelaksanaan program ini diharap dapat menjadi inspirasi kepada lebih ramai Veteran ATM untuk menceburi kerjaya kedua dan bidang keusahawanan sebagai langkah meningkatkan taraf sosioekonomi selepas tamat perkhidmatan.

4) PROGRAM PEMANTAUAN DAN PELAPORAN INISIATIF KERJAYA KEDUA VETERAN ATM (PERHILITAN).

Program Pemantauan dan Pelaporan Inisiatif Kerjaya Kedua Veteran ATM telah diadakan di Johor bagi menilai keberkesanan penempatan Veteran ATM sebagai Renjer Komuniti di bawah Jabatan PERHILITAN Johor. Program ini turut menjadi platform untuk mendapatkan maklum balas dari pihak majikan serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam pelaksanaan inisiatif kerjaya kedua Veteran ATM. Lawatan pemantauan ini disambut baik pihak pengurusan PERHILITAN Johor dan para veteran yang terlibat di Pos Kampung Tenang. Inisiatif ini menunjukkan kerjasama strategik antara JHEV ATM dan PERHILITAN Johor dalam menyediakan peluang pekerjaan kedua kepada Veteran ATM, sekali gus membantu meningkatkan taraf sosioekonomi mereka selepas tamat perkhidmatan.



PERUMAHAN

Inisiatif Perumahan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melibatkan dua (2) program iaitu program baik pulih dan program bina baharu. Objektif pelaksanaan Inisiatif Perumahan Veteran ATM ini adalah selaras dengan strategi di bawah Pelan Strategik MINDEF: Teras 7 – Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM. Inisiatif ini juga merupakan usaha kerajaan membantu Veteran ATM yang berpendapatan rendah dan miskin dalam menyediakan tempat kediaman yang kondusif, selamat dan selesa untuk diduduki.

Program baik pulih dilaksanakan secara kerjasama JHEV cawangan Negeri dan Veteran ATM tersebut melalui pemilihan kontraktor yang dapat memenuhi spesifikasi kerja-kerja baik pulih rumah yang ditetapkan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Program ini melibatkan kos siling baik pulih rumah sebanyak RM17,000.00 seunit.

Program Bina Baharu dilaksanakan secara kerjasama dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menggunakan konsep Skim Rumah Mesra Rakyat dibawah seliaan SPNB. Subsidi berjumlah RM20,000.00 bagi setiap rumah diperuntukkan dan JHEV ATM membiayai baki kos pembinaan rumah tersebut menjadikan jumlah keseluruhan kos pembinaan bernilai RM75,000 di Semenanjung, RM80,000 di Sabah dan RM85,000 di Sarawak. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 53 permohonan bina baharu dan 209 permohonan baik pulih telah diluluskan, melibatkan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM6.19 juta, sekaligus memberi manfaat besar kepada Veteran ATM dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan keluarga.





Bahagian KEWANGAN DAN AKAUN



BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN

OBJEKTIF

Pengurusan kewangan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ditadbir oleh Bahagian Kewangan dan Akaun (BKA) yang bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan mengawal selia akaun jabatan serta kepatuhan kepada polisi dan dasar kewangan kementerian. BKA terdiri daripada tiga (3) unit iaitu Unit Pusat Tanggungjawab (PTJ), Unit Semakan Bayaran dan Unit Akaun. Antara fungsi utama BKA adalah menyediakan Anggaran Belanja Mengurus jabatan, mengawal peruntukan serta perbelanjaan tahunan disamping mengurus semua pembayaran bil tuntutan dan pembayaran faedah-faedah persaraan, bantuan kebajikan dan perubatan kepada Veteran ATM.

FUNGSI

1. Menyedia, merancang dan mengawal peruntukan Belanja Mengurus jabatan.

2. Mengawal selia dan memastikan semua prosedur dan peraturan perakaunan dan kewangan yang berkuatkuasa.

3. Menyediakan Laporan Penyesuaian Bank, Laporan Penyesuaian Amanah, Laporan Akaun Belum Terima (ABT) dan Laporan Penyesuaian Hasil Jabatan dan lain-lain laporan yang berkaitan mengikut tempoh yang ditetapkan.

4. Merancang dan melaksana pengurusan perolehan di bawah RM500,000.00 mengikut tatacara perolehan kerajaan yang berkuatkuasa yang melibatkan sebutharga, kontrak, pembelian terus (pesanan kerajaan)

5. Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan yang melibatkan bayaran pukal, panjar wang runcit dan pelbagai jenis tuntutan yang melibatkan bil, utiliti, perjalanan, bekalan perkhidmatan dan lain-lain.

6. Mengurus permohonan dana harian dan bulanan dalam sistem iGFMS dan mengawal aliran tunai jabatan.

7. Mengurus pembayaran balik tuntutan perubatan kepada Veteran ATM yang berpencen dan tidak berpencen dan lain-lain pembayaran yang diumumkan oleh pihak Kerajaan.

PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2024

JHEV ATM telah berjaya membelanjakan semua peruntukan yang diberi pada tahun 2024. Ringkasan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.



Jadual 1 : Peruntukan yang diterima dan perbelanjaan bagi tahun 2024

Pada tahun 2024, peruntukan bagi Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) di bawah JHEV melibatkan seramai 145,935 veteran berpencen atau penerima pencen dan seramai 75,156 veteran ATM tidak berpencen. Pembayaran bagi maksud tersebut ditampung di bawah peruntukan Vot Kementerian B60 dan juga Vot JPA14.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) diadakan bertujuan untuk memantau prestasi perbelanjaan peruntukan serta perkara-perkara berkaitan pengurusan kewangan. Sebanyak empat (4) mesyuarat JPKA telah diadakan pada tahun 2024 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.




Jadual 2: Pelaksanaan Mesyuarat JPKA Peringkat Jabatan

PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT PELARASAN (ADP) DAN AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

Akaun Deposit Pelarasan (ADP) dan Akaun Belum Terima (ABT) digunakan bagi maksud merekod perbelanjaan dan terimaan yang perlu didapatkan bagi menjelaskan hutang-hutang dengan Kerajaan.

Pelbagai usaha diteruskan dan usaha baru dilaksanakan sepanjang tahun 2024 bagi mengurangkan kadar bilangan ADP dan ABT seperti berikut:


1. Pengimbasan dokumen (Document Scanning).
2. Turun padang Program Jejak Veteran
3. Semakan silang senarai veteran ATM di Jabatan Insolvensi bagi menentusahkan status kebangkrapan.
4. Semakan silang status kematian dengan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
5. Memperkasakan peranan Call Centre /Unit Komunikasi Korporat (UKK) – menyalur maklumat kepada veteran ATM secara atas talian (online).
6. Portal Wang Tidak Dituntut (WTD).
7. Pemberhentian sementara bayaran pencen skim B bagi transaksi skim B Luput yang berulang.
8. Semakan data di Kaunter Perkhidmatan Setempat (OSC).
9. Menyelesaikan segala aduan yang diterima daripada veteran ATM dengan secepat yang mungkin.



KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PELARASAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2024




BILANGAN BAUCAR YANG DIPROSES DAN JUMLAH PERMOHONAN DANA BAGI TAHUN 2024




Berdasarkan graf di atas, permohonan dana secara keseluruhan adalah berjumlah RM4,983,000,000.00 dengan bilangan sebanyak 30,210 baucar.

PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2024 (VIBES)




PEMBAYARAN MELALUI CEK DAN WARAN

BILANGAN CETAKAN CEK BAGI TAHUN 2024



BILANGAN CETAKAN WARAN BAGI TAHUN 2024




Berdasarkan graf di atas, cetakan cek secara keseluruhan adalah berjumlah RM1,037,663 dengan bilangan sebanyak 589 cek. Manakala bagi cetakan waran secara keseluruhan adalah berjumlah RM8,620,332 dengan bilangan sebanyak 1,984 waran.

Bermula tahun 2024, kaedah pembayaran telah menggunakan Electronic Fund Transfer (EFT) bagi penyaluran peruntukan Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ) veteran tidak berpencen ke Yayasan Veteran ATM dan agensi-agensi yang terlibat seperti LHDN, LPPSA, Jabatan Insolvensi dan sebagainya.

PEMBAYARAN MELALUI EFT

PEMBAYARAN MELALUI EFT TAHUN 2024



Bagi tahun 2024, pembayaran melalui EFT berjumlah RM5,070,956,527 dengan bilangan sebanyak 2,291,108 transaksi.



Bahagian DASAR

PENCAPAIAN TERAS 7 PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN PERTAHANAN: AGENDA KESEJAHTERAAN VETERAN



BAHAGIAN DASAR

FUNGSI BAHAGIAN DASAR

- Merancang, menggubal, menyelaras serta memantau pelaksanaan dasar-dasar strategik sejajar dengan matlamat dan sasaran kementerian Pertahanan/JHEV ATM
- Membantu Jabatan melaksanakan peranannya sebagai custodian Akta Veteran 2012 (Akta 740)
- Mendaftar dan mengawalselia persatuan-persatuan veteran ATM
- Merancang dan menyelaras Rancangan Pembangunan Lima Tahun Jabatan.

UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

FUNGSI


- Menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Strategik Kementerian di Jabatan
- Menyelaras pelaporan OBB, MPI, KPI, dll
- Menyelaras Program Inovasi dan KIK Jabatan
- Menyelaars maklumbalas bagi mesyuarat di peringkat Kementerian (MPT, Pos Kabinet, Jawatankuasa Dasar, dll.

AKTIVITI – AKTIVITI DI BAWAH UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

Majlis Jemaah Menteri / Aktiviti Parlimen

Pada tahun 2024, pihak JHEV telah mengambil bahagian dalam beberapa sesi mesyuarat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Penyertaan ini merangkumi pembentangan dan perbahasan pelbagai isu serta dasar yang melibatkan JHEV. Sepanjang sesi tersebut, jawapan telah diberikan secara lisan bagi menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat.

RUMUSAN PENCAPAIAN SEMASA TAHUN 2024



Secara keseluruhannya, Agenda Kesejahteraan Veteran ATM di bawah Pelan Strategik Kementerian Pertahanan 2021-2025 mengandungi Empat Strategi dan 15 Inisiatif Strategik. 1 daripada 4 strategi tersebut berjaya mencapai 100%. Bagi tahun 2024, pencapaian keseluruhan di bawah Teras 7 tersebut adalah sebanyak 83.65% sahaja disebabkan kegagalan Inisiatif Strategi – Kempen Tabung Pahlawan dan penganugerah Pingat Jasa Malaysia mencapai sasaran yang ditetapkan.

RETREAT & MESYUARAT PENGURUSAN DI JANDA BAIK

Janda Baik, 25 – 28 Februari 2024 – Retreat Jabatan dan Mesyuarat Pengurusan JHEV ATM 1/2024 telah diadakan di Swiss-Belinn Cherengin Hills, Janda Baik. Program ini dihadiri oleh 50 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pegawai dan staf awam dari pelbagai unit dan bahagian.

MATLAMAT PROGRAM

Program ini bertujuan untuk menetapkan hala tuju Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bagi tahun 2024, selaras dengan visi dan misi jabatan dalam memperkasakan kebajikan dan pembangunan veteran ATM.

OBJEKTIF PROGRAM

Objektif utama yang ingin dicapai melalui pelaksanaan retreat ini adalah:

- Menyelaras fokus utama yang digariskan oleh YB Menteri Pertahanan serta mengenal pasti program dan inisiatif jabatan yang selari dengan fokus tersebut.
- Menentukan hala tuju utama jabatan serta merangka Pelan Tindakan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- Membincangkan hala tuju program-program utama Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bagi tahun 2024.

FOKUS DAN STRATEGIK

Program ini dibahagikan kepada enam kumpulan yang membentangkan enam fokus utama, iaitu:

- Pengurusan Bantuan Kebajikan yang cekap dan pantas.**
 - Penambahbaikan proses kerja semasa.
 - Peningkatan kualiti perkhidmatan kaunter.
 - Pembudayaan pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan.



2. Pemerkasaan kemudahan perubatan Veteran ATM

Merangka pelan tindakan dan langkah proaktif bagi memperkemas, meningkatkan, serta memperkasakan penyampaian kemudahan perubatan kepada kumpulan sasaran.

3. Pembangunan kapasiti Veteran ATM

Memberi tumpuan kepada program-program sosioekonomi yang berimpak tinggi bagi membantu veteran ATM keluar daripada kancas kemiskinan.

4. Pembangunan Modal Insan

- Memperkemas kaedah penempatan pegawai.
- Membangunkan kepimpinan berkualiti.
- Meningkatkan kompetensi pegawai secara berterusan.

5. Melestarikan Imej Korporat Jabatan

- Menyampaikan maklumat kepada pelanggan secara konsisten, tepat, dan pantas.
- Memastikan pegawai jabatan berperanan sebagai duta JHEV ATM.

6. Memantapkan jaringan Kerjasama dan semangat kerja berpasukan

- Menerapkan matlamat dan nilai bersama.
- Mewujudkan platform perkongsian maklumat yang berkualiti dan telus.
- Meningkatkan aktiviti sosial dan kebajikan kakitangan melalui kerjasama dengan rakan strategik.

Dengan pelaksanaan program ini, diharapkan hala tuju dan perancangan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bagi tahun 2024 dapat dilaksanakan secara lebih efektif dan menyeluruh, sekaligus memastikan kebajikan serta pembangunan veteran ATM terus menjadi keutamaan.






LAWATAN DELEGRASI CHINA KE JHEV ATM

Timbalan Menteri Hal Ehwal Veteran Republik Rakyat China, T.Y.T Ma Feixiong, telah mengetuai lawatan kerja rasmi ke Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM di Menara TH Perdana pada 28 Ogos 2024.

Lawatan ini diadakan sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China, yang terjalin sejak penandatanganan Kenyataan Bersama oleh Tun Abdul Razak dan T.Y.T Chou En Lai pada 31 Mei 1974.

Sepanjang lawatan, delegasi berpeluang meninjau operasi Pusat Perkhidmatan Setempat (OSC) yang diwujudkan oleh JHEV ATM bagi memudahkan urusan Veteran ATM dan tanggungan mereka dengan jabatan. Selain itu,

rombongan turut diberikan taklimat ringkas mengenai fungsi serta peranan JHEV ATM dalam menjaga kebajikan para veteran di Malaysia oleh Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM



LAWATAN DELEGRASI TIMOR LESTE KE JHEV ATM

Mej Jen. Joao Miranda "Aluck Descart", Naib Presiden Pertama CCLN (Conselho de Combatentes da Libertacao Nacional) telah mengetuai lawatan kerja ke Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV ATM) pada 10 Oktober 2024.

Lawatan ini sebahagian daripada usaha memperkukuhkan hubungan diplomatik dan kerjasama dalam bidang kebajikan veteran antara Malaysia dan Timor Leste. Semasa lawatan, delegasi diberi pendedahan berkaitan tadbir urus operasi Pusat Perkhidmatan Setempat (OSC) yang diwujudkan oleh JHEV ATM bagi memudahkan urusan Veteran dan keluarga dalam membuat urusan. Taklimat ringkas berkaitan fungsi dan peranan JHEV dalam menjaga kebajikan lebih 300,000 veteran ATM di Malaysia.



UNIT PENDAFTARAN & HAL EHWAL PERSATUAN**Fungsi**

- Melaksanakan dan menyelaraskan urusan pendaftaran Veteran ATM dan Persatuan Veteran ATM
- Menyelaraskan peraturan dan pembiayaan Persatuan Veteran ATM
- Memantau aktiviti Persatuan Veteran ATM yang berdaftar dengan JHEV ATM

AKTIVITI – AKTIVITI UNIT PENDAFTARAN & HAL EHWAL PERSATUAN VETERAN DESA MADANI**Latar Belakang**

Program Veteran Desa Madani (VDM) merupakan salah satu inisiatif terkini di bawah Program Peduli Veteran Madani (PVM) yang telah mula dilaksanakan sejak Mac 2023. Program ini menjadi platform kepada YB Timbalan Menteri Pertahanan untuk turun padang menyantuni komuniti veteran ATM dan keluarga mereka, termasuk masyarakat setempat.

Inisiatif ini memberi tumpuan kepada lima aspek utama iaitu kebajikan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan pemerkasaan. Sepanjang pelaksanaannya, sebanyak lapan siri program VDM telah diadakan melibatkan dua buah negeri, iaitu Kelantan (6 siri) dan Melaka (2 siri). Program ini menyasarkan lebih enam buah keluarga dan kampung veteran ATM yang dikenal pasti dengan kerjasama Kementerian Pertahanan, Kerajaan Negeri dan JHEV ATM.

ada 9 November 2024, Program VDM telah dilaksanakan di Kampung Bechah Laut, Kelantan. Antara pengisian utama termasuk aktiviti gotong-royong bersama penduduk, penyampaian 100 Bakul Rahmah dan 100 kampil beras kepada golongan asnaf dan veteran, serta lawatan kebajikan ke rumah veteran ATM. Program ini turut melibatkan pelbagai agensi yang menawarkan khidmat

sokongan seperti ceramah, perkhidmatan kesihatan, dan kaunter perkhidmatan JHEV serta JKM.

Sementara itu, pada 11 Oktober 2024, program yang sama telah dijalankan di Bukit Katil, Melaka. Dalam program ini, YB Timbalan Menteri telah melawat dua veteran yang menghidap penyakit kronik dan menyampaikan bantuan kebajikan serta Pingat Jasa Malaysia (PJM). Program ini menjadi platform penting dalam memperluas kerjasama antara Kementerian dan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kesejahteraan veteran ATM. Seiring dengan Teras 'Ihsan' dalam Dasar Malaysia Madani, peruntukan JHEV ATM turut ditingkatkan daripada RM118 juta kepada RM244 juta bagi tahun 2024 bagi memperkukuh pelaksanaan agenda kebajikan veteran secara menyeluruh.

MAJLIS RAMAH MESRA VETERAN MADANI ATM BERSAMA YB TIMBALAN MENHAN

MELAKA, 4 Mei 2024 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari, telah menghadiri Program Veteran Desa Madani (VDM) yang berlangsung di Dataran Keris, Alor Gajah, Melaka. Majlis ini dihadiri oleh seramai 1,500 orang, termasuk para veteran ATM. Dalam acara tersebut, sumbangan telah disampaikan kepada persatuan-persatuan veteran serta warga veteran ATM sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan mereka.

UNIT SEKRETARIAT, PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN**Fungsi**

- Menyelaraskan pengumpulan data dan maklumat berkaitan Veteran ATM
- Menyelaraskan segala perkara berkaitan sekretariat, penyelidikan dan pembangunan Jabatan serta hal ehwal Veteran ATM
- Penyelidikan slide, teks ucapan dan keperluan taklimat jabatan
- Menguruskan program/aktiviti berkaitan kempen Tabung Pahlawan.

AKTIVITI - AKTIVITI UNIT SEKRETARIAT, PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN PELANCARAN KEMPEN TABUNG PAHLAWAN**SEJARAH**

Kempen Tabung Pahlawan (KTP) mula dilaksanakan pada tahun 1950 di bawah custodian Persatuan Bekas Tentera Malaya (Kini dikenali sebagai Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia - PVATM).

Pada awalnya Kempen Tabung Pahlawan dikenali sebagai "Poppy Day" iaitu persamaan dengan kempen yang diadakan di Britain. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, nama Poppy Day ditukar kepada Tabung Pahlawan di mana lambang bunga poppy telah ditukar kepada lambang bunga raya. Pada tahun 2013, Tabung Pahlawan telah mengalami penjenamaan semula di mana nama Rayuan Hari Pahlawan telah ditukar kepada "Kempen Tabung Pahlawan". Kini, Kempen Tabung Pahlawan (KTP) diurus setiakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM supaya manfaat KTP ini dapat dinikmati oleh semua veteran-veteran ATM



Majlis Pelancaran KTP 2024/2025 & Makan Malam Amal

Kempen Tabung Pahlawan 2024 telah dilancarkan oleh Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Penaung Kempen Tabung Pahlawan, dengan diiringi oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohammed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan. Majlis pelancaran ini telah berlangsung pada 24 September 2024 di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Dana yang dikumpulkan melalui kempen ini telah digunakan untuk membantu lebih daripada 10,000 individu, termasuk anak yatim, warga emas, serta golongan kurang berkemampuan.

Antara penyumbang utama kepada Tabung Pahlawan termasuk Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd., Bank Muamalat Malaysia Berhad, Affin Bank Berhad, Koperasi Tentera, dan lain-lain organisasi yang turut menyokong usaha kebajikan ini.



MARAN PAHLAWAN RUN

Pada 17 November 2024, Program Maran Pahlawan Run 2024 telah berjaya dianjurkan di Taman Tasik Maran, Pahang oleh Pertubuhan Kumpulan Veteran Tentera Tidak Berpencen Maran. Program ini bertujuan memperkukuh kebajikan veteran ATM dan tanggungan mereka, di samping memupuk semangat perpaduan serta gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat pelbagai lapisan.

Program dimulakan dengan sesi senamrobik dan diikuti oleh larian sejauh 5 kilometer yang disertai oleh pelbagai pihak termasuk YDH DSP Nor Azman bin Yusof, Timbalan KPD Maran, dan Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki, Ketua Pengarah JHEV ATM. Acara pelepasan peserta disempurnakan oleh YH Dato' Khairun Nissa binti Aris, Pegawai Daerah Maran. Kehadiran wakil agensi, ketua jabatan, serta komuniti setempat menjadikan program ini simbolik kepada semangat patriotisme dan penghargaan terhadap jasa para veteran negara.



MAKAN MALAM RAFOC

Kuala Lumpur, 8 Disember 2024 (Ahad)- RAFOC (Retired Armed Forces Officers Association) telah menganjurkan makan malam di Wisma Perwira ATM turut dihadiri DYMM Tuanku Raja Perlis dan DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis.





Bahagian PENCEN

2. Faedah Kematian

Faedah Kematian



PERKARA	JUMLAH PENERIMA	AMAUN PERBELANJAAN (RM)
Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)	1780	5,340,000.00
Pencen Terbitan - Meninggal Dalam Perkhidmatan (MDP)	113	387,163.14
Pencen Terbitan - Meninggal Dalam Persaraan (MDS)	2024	7,543,745.03
Ganjaran Terbitan	113	6,102,238.00
Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR)	113	2,164,742.55
Pencen Orang Tanggungan	44	660,402.04
Ex-Gratia Orang Tanggungan	43	670,183.63
Insurgensi Orang Tanggungan	545	4,512,961.88

Jumlah Keseluruhan 4,775.00 27,381,436.27

Jadual 2: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Faedah Kematian Berakhir 31 Dis 2024.

3. Penyelarasan Faedah Persaraan

Penyelarasan Faedah Persaraan



PERKARA	FAEDAH	JUM.PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
Ulangkaji - Gaji Akhir/ Band // Lain-Lain pelarasan	Pencen / Ganjaran /FGCR / FGCR (160-180)	1,002	3,556,446.69
Pelarasan Gaji SSPA Kepada Pencen Veteran	Pencen	146,917	27,290,721.39
Pencen Luar Negara	Pencen	417	927,714.51
Jumlah Keseluruhan		148,336	31,774,882.59

Jadual 3: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Penyelarasan Pencen Berakhir 31 Dis 2024.

BAHAGIAN PENCEN

FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN

Bahagian Pencen, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) berperanan untuk mengurus dan memantau proses pembayaran faedah-faedah persaraan pegawai dan anggota ATM. Faedah Persaraan merangkumi faedah-faedah perkhidmatan, faedah kematian dan faedah hilang upaya. Selain itu, Bahagian Pencen juga melaksanakan penyelarasan faedah persaraan dan memproses permohonan kemudahan perubatan kepada Veteran ATM.

1. Faedah Perkhidmatan dan Hilang Upaya

Faedah Perkhidmatan & Hilang Upaya




PERKARA	JUMLAH PENERIMA	AMAUN PERBELANJAAN (RM)
Pencen Perkhidmatan	6,517	15,919,542.55
Ganjaran Perkhidmatan	6,470	638,362,781.58
Ganjaran Tamat Perkhidmatan	88	16,255,384.23
Ganjaran Ihsan	15	1,774,637.43
Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR)	6,940	226,074,387.87
Pencen Hilang Upaya	21	16,273.70
Ganjaran Hilang Upaya	144	245,810.00
Ex-Gratia Bencana Kerja Bulanan	20	10,467.79
Ex-Gratia Bencana Kerja Pukal	163	6,112,003.18
Insurgensi Veteran	581	1,628,017.16
Elaun Pelajaran	50	53,925.00
Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM)	100	2,669,081.36

Jadual 1: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Faedah Perkhidmatan dan Hilang Upaya bagi tahun 2024 berakhir 31 Disember 2024.




4. Bantuan Mengurus Jenazah (Berpencen)

a. Bantuan Mengurus Jenazah



Jadual 4: Jumlah pembayaran Bantuan Mengurus Jenazah bagi Veteran Berpencen Berakhir 31 Disember 2024.

b. Bantuan Mengurus Jenazah (Saki Baki)



Jadual 5: Jumlah pembayaran Bantuan Mengurus Jenazah bagi Veteran Berpencen Berakhir 31 Disember 2024.



Peserta dan Sekretariat Bengkel Cadangan Penambahbaikan Permohonan Pengiktirafan Bekas Tentera Sebagai Veteran ATM.



Penutup bengkel disempurnakan oleh YBhg. Mej Jen Datuk Hj Nizam bin Hj Jaffar, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (AKSPA).



Sesi pembentangan hasil perbincangan kumpulan.



Taklimat berkenaan proses permohonan dan kriteria pertimbangan pengiktirafan Veteran ATM.

Bengkel Cadangan Penambahbaikan Permohonan Pengiktirafan Bekas Tentera Sebagai Veteran ATM

22 hingga 24 Februari 2024 - Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) telah menganjurkan Bengkel Cadangan Penambahbaikan Permohonan Pengiktirafan Bekas Tentera Sebagai Veteran ATM di Swiss Bellin Cherengin Hills, Janda Baik, Pahang. Bengkel ini dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan (MINDEF), Bahagian Undang-Undang MINDEF, Markas Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Arah Rekod dan Pencen, Cawangan Tenaga Kerja, Bahagian Sel Undang-Undang ATM, JHEV ATM, ahli Majlis Veteran Kebangsaan

dan wakil-wakil daripada 5 persatuan veteran.

Bengkel ini diadakan bagi mendapatkan pandangan / cadangan daripada stakeholders (wakil-wakil persatuan Veteran ATM dan Markas ATM) berkenaan permohonan pengiktirafan Veteran ATM ke atas bekas tentera yang diberhentikan atas sebab salah laku seterusnya mendapatkan opsyen-opsyen terbaik bagi menambahbaik proses permohonan pengiktirafan bekas tentera berkenaan sebagai Veteran ATM secara inklusif dan komprehensif.

Penutup bengkel ini telah disempurnakan oleh YBhg. Mej Jen Datuk Hj Nizam bin Hj Jaffar, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (AKSPA).

Mesyuarat Penyelarasan Input Daripada Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Untuk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)

Bahagian Pencen telah dipertanggungjawabkan bagi mengkordinasi Mesyuarat Penyelarasan Input Daripada Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Untuk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) pada 7 Mac 2024 bertempat di Cyber Room, Wisma Perwira ATM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM.

Tujuan mesyuarat dan fokus utama yang akan diketengahkan kepada JPA pada perjumpaan adalah untuk mendapatkan input-input daripada Tim Veteran sebagai persediaan satu sesi libat urus bersama JPA. Skop intipati yang diketengah adalah berkaitan Perjawatan dan Organisasi melibatkan Skim Perkhidmatan, Saraan yang melibatkan Struktur Gaji ATM dan Pengurusan Bakat meliputi Prestasi, Kompetensi & Kerjaya.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Presiden dan wakil dari Persatuan seperti RAFOC, Persatuan Veteran ATM, Persatuan Veteran TLDM, Persatuan Veteran TUDM, PERIM, MACVA dan Persatuan Veteran ATM Tidak Berpencen. Turut hadir ke mesyuarat tersebut adalah Pengarah Bahagian Dasar, JHEV ATM.



Peserta dan Sekretariat Bengkel Cadangan Penambahbaikan Permohonan Pengiktirafan Bekas Tentera Sebagai Veteran ATM.



Bengkel Pemurnian Standard Operating Procedure (SOP) JHEV ATM

23 hingga 25 Mei 2024 - Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Standard Operating Procedure (SOP) JHEV ATM bertempat di Hotel Lost World, Ipoh, Perak melibatkan semua Bahagian / Unit dan JHEV Cawangan Negeri. Pelaksanaan bengkel ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengurusan JHEV ATM Bil. 2/2024 pada 25 Mac 2024 agar dokumen SOP JHEV ATM dapat dimuktamadkan pada pertengahan tahun 2024.

Selaras dengan itu, bengkel ini diadakan dengan objektif untuk memastikan SOP JHEV ATM dapat diperkemas dan ditambahbaik agar menjadi satu rujukan utama oleh setiap Bahagian / Unit di JHEV ATM supaya setiap aktiviti / proses kerja dapat dilaksanakan dengan teratur berdasarkan pekeliling dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Bagi memastikan kelancaran Bengkel Pemurnian SOP JHEV ATM tersebut, Jawatankuasa Semakan SOP JHEV ATM telah ditubuhkan pada 19 April 2024 bagi membuat semakan ke atas semua 123 SOP sedia ada yang diterima oleh Bahagian Pencen selaku Sekretariat kepada Bengkel Pemurnian SOP JHEV ATM. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Encik Sophian Isswandy bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM dengan keahlian terdiri daripada Pengarah Bahagian Dasar, Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat dan Pengarah Bahagian Kewangan dan Akaun atau wakil-wakil Bahagian berkenaan.

Mesyuarat Jawatankuasa Semakan SOP JHEV ATM telah diadakan pada 23 April 2024 hingga 13 Mei 2024 bersama dengan Bahagian / Unit yang berkenaan dengan membuat semakan awal kepada semua SOP bahagian/unit berkenaan untuk diperkemas dan ditambahbaik sebelum semua SOP tersebut dibentangkan semasa Bengkel Pemurnian SOP JHEV ATM.



Majlis Hari Raya Bahagian Pencen

26 April 2024 – Suasana riang ria Aidilfitri BP yang cukup meriah telah diadakan di Tingkat 15 Menara TH Perdana. Turut memeriahkan majlis dengan ketibaan KP JHEV dan Timbalan TKP serta staf-staf JHEV dari Bahagian lain telah memeriahkan lagi suasana.

Majlis raya ini juga disusuli dengan penyerahan sumbangan khairat kematian kepada staf yang telah kehilangan insan-insan tersayang, sakit, staf yang menerima cahaya mata dan mendirikan perkahwinan pada Januari – April 2024.



Program Pertandingan Pancing Amal Sempena Kempen Tabung Pahlawan 2024


29 Jun 2024 - Bahagian Pencen telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan Program Pertandingan Pancing Amal Sempena Kempen Tabung Pahlawan (KTP) 2024 bertempat di Pantai Kelanang, Banting, Selangor. Program ini diadakan sebagai salah satu inisiatif bagi meningkatkan dana sumbangan KTP tahun 2024 untuk membantu Veteran ATM dan orang tanggungan yang daif, dari aspek bantuan kebajikan bagi melengkapi keperluan bantuan tertentu yang amat-amat diperlukan namun tidak dapat disalurkan oleh Kerajaan.

Program ini telah berjaya menarik 386 penyertaan yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Sebanyak 100 hadiah berbentuk wang tunai telah diberikan kepada kepada peserta pancing amal yang berjaya mendapat hasil tangkapan mengikut syarat yang ditetapkan penganjur. Program turut dimeriahkan dengan aktiviti cabutan bertuah dengan 100 hadiah cabutan bertuah berbentuk hamper dan pelbagai barangan sumbangan daripada rakan-rakan strategik JHEV ATM. Jualan air mineral dan biskut beraneka sumbangan Digital Timur

Sdn. Bhd. turut dijalankan sebagai inisiatif menambahkan dana sumbangan KTP.

Perasmian program telah disempurnakan oleh Encik Sophian Isswandy bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM yang mewakili YB Timbalan Menteri Pertahanan. Turut hadir ke program ini ialah Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuala Langat, wakil Affin Bank, wakil RHB Bank, wakil Bank Muamalat dan wakil TP Care.

Program ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil sokongan dan kerjasama dengan pelbagai pihak daripada agensi-agensi Kerajaan, swasta, rakan-rakan strategik dan penyumbang.



Program Pertandingan Pancing Amal Sempena Kempen Tabung Pahlawan 2024.



Majlis Serah Terima Tugas dan Jasamu Dikenang

21 Ogos 2024 – Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Bahagian Pencen telah berlangsung dengan suasana cukup sederhana. Dalam majlis tersebut surat sijil serah terima tugas telah ditandatangani antara Pengarah BP, Puan Zaharah binti Isahak dengan Pemangku Pengarah BP yang baharu iaitu Lt Kol Salim bin Ibrahim.

Mantan Pengarah BP telah bertukar keluar ke MOTEC Shah Alam sebagai Pengarah berkuatuksa 21 Julai 2024. Diakhir ucapan Puan Zaharah binti Isahak menekankan agar setiap staf berusaha untuk memajukan diri dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada Perkhidmatan dan Veteran selaku stakeholders utama JHEV ATM.

Turut hadir bagi menyaksikan majlis serah terima tugas ialah Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM, Encik Sophian Isswandy bin Ismail.



Majlis Serah Terima Prosedur Operasi Standard (SOP) JHEV ATM

Majlis Serah Terima SOP JHEV ATM telah diadakan pada 23 September 2024 antara Bahagian Pencen yang diwakili oleh Pemangku Pengarah Lt Kol Salim bin Ibrahim dan Pemangku Pengarah Bahagian Dasar En Nor Darna Yanto di Pejabat Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM.

Turut menyaksikan penyerahan SOP JHEV ATM adalah Encik Sophian Isswandy bin Ismail selaku Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM.



Bacaan Yaasin Peringkat Bahagian Pencen

Program bacaan yaasin dan doa selamat Bahagian Pencen diadakan sebulan sekali melibatkan semua Pegawai dan Staf BP. Program kerohanian ini diadakan bagi menyemai rasa syukur dan mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.



Lawatan Ulung Ketua Pengarah JHEV ATM Ke Bahagian Pencen

Program yang diatur ini melibatkan semua Bahagian di JHEV Pusat yang mana giliran Bahagian Pencen telah dilaksanakan pada 12 Disember 2024 (Khamis) melibatkan Bahagian Pencen di Aras 8 iaitu Unit Faedah Perkhidmatan & Hilang Upaya dan Bilik Fail manakala di Aras 15, Menara TH Perdana melibatkan Unit Pentadbiran, Unit Pelarasan Faedah, Unit Faedah Kematian, Unit Kad Veteran, Unit Bantuan Khas Kewangan dan Bilik Fail Kematian.

Lawatan ini signifikan kepada YBhg KP JHEV untuk melihat sendiri tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Staf dan suasana pejabat disetiap tempat dilawati. Lawatan diakhiri dengan majlis ramah mesra bersama semua Staf Bahagian Pencen.







Bahagian PENGURUSAN MAKLUMAT



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

PORTAL RASMI

Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah dilancarkan pada 27 Disember 2024. Dengan adanya portal ini dapat meningkatkan kemudahan dan pengalaman pengguna melalui reka bentuk yang responsive, navigasi yang lebih mesra pengguna dan menarik dalam menyampaikan maklumat berkaitan inisiatif dan program JHEV dalam membantu Veteran ATM. Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah dilancarkan pada 27 Disember 2024. Dengan adanya portal ini dapat meningkatkan kemudahan dan pengalaman pengguna melalui reka bentuk yang responsive, navigasi yang lebih mesra pengguna dan menarik dalam menyampaikan maklumat berkaitan inisiatif dan program JHEV dalam membantu Veteran ATM.






LAPORAN SESI LATIHAN VETERAN INTEGRATED BENEFIT SYSTEM (VIBES) 2.0 BERSAMA PEJABAT JHEV NEGERI SECARA ATAS TALIAN

Satu Sesi Bengkel Latihan Veteran Integrated Benefit System (Vibes) 2.0 bagi pengguna Cawangan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM Kementerian Pertahanan untuk pegawai dan staf Cawangan Negeri JHEV ATM. Bengkel ini melibatkan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) JHEV ATM bersama Syarikat Akal Aspirasi Sdn Bhd.

Bengkel ini telah dilaksanakan secara atas talian pada 5hb hingga 6hb Jun 2024. Bengkel ini telah dihadiri seramai 36 peserta yang terdiri daripada Pengarah, Penyelia, Pembantu Tadbir dan kakitangan MyStep di 9 Cawangan Negeri JHEV ATM.

Bengkel ini dikendalikan oleh Syarikat Akal Aspirasi Sdn. Bhd. sebagai penceramah dan fasilitator dalam memberi Latihan dan taklimat tentang pengoperasian, penggunaan modul-modul tertentu VIBES 2.0 yang biasanya digunapakai oleh Cawangan JHEV Negeri seperti Modul Persaraan, Kebajikan, Aduan, Kerjaya Sosioekonomi dan Portal VIBES 2.0.

Semasa sesi latihan, para peserta juga telah mengemukakan cadangan penambahbaikan proses kerja dan sistem di masa akan datang.





2024